

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI KANAN KERAJAAN
MALAYSIA 1984
Lokasi : DI BILIK FAKULTI, PARAS 3, BLOK D, INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 04-09-1984

Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berusaha Dr. Mazlan bin Ahmad, Pengarah INTAN;

Yang Berbahagia Puan Sri-Puan Sri dan Datin-Datin;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana telah diberi peluang sekali lagi kepada saya untuk melibatkan diri di dalam kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia. Justeru itu saya mengucapkan terima kasih kepada INTAN kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1984 kali yang ke lapan ini.

2. Seperti juga pada tahun-tahun lepas, kursus ini adalah bertujuan untuk mendedah dan meninggikan kefahaman para isteri pegawai kanan Kerajaan dan diplomat Malaysia tentang beberapa perkara yang perlu diketahui bagi memainkan peranan sebagai isteri pegawai kanan yang berkesan dan berkebolehan. Di antara perkara-perkara yang akan disentuh oleh kursus ini ialah mengenal sejarah, perlembagaan, politik, ekonomi, keselamatan, serta dasar luar negara Malaysia; perkara-perkara untuk meninggikan keperibadian para isteri seperti kebolehan untuk berucap di khalayak ramai, tatasusila sosial, pembangunan dan kesihatan keluarga; dan lain-lain perkara yang boleh membantu para isteri supaya dapat menyesuaikan diri dengan segera di rantau orang. Perkara-perkara yang berbilang jenisnya dalam program kursus ini akan memberi pendedahan yang luas kepada para isteri supaya puan-puan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan yakin dan cekap.

3. Pada hemat saya, 'impact' yang hendak dicapai oleh program kursus ini ialah bagi mewujudkan satu sikap yang positif di kalangan isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan, terutama isteri-isteri yang akan mengikuti suami mereka untuk bertugas di luar negeri. Dengan wujudnya sikap positif ini mereka kelak akan menyedari dengan sepenuhnya akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan. Apa jua matlamat yang hendak dituju dan dicapai oleh negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan sedang membangun adalah tanggungjawab puan-puan untuk memberi gambaran sebenarnya pada negara asing. Puan-puan boleh melakukan ini dengan berkesan semasa puan-puan berinteraksi dengan orang-orang asing, sama ada melalui tingkah-laku, percakapan dan sebagainya.

4. Oleh kerana kursus ini mendapat penyertaan bukan saja daripada isteri-isteri para diplomat tetapi juga isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan yang bertugas di dalam negeri, yang pada hemat saya memainkan peranan yang sama juga dengan rakan mereka di luar negeri, maka saya fikir program kursus yang telah diaturkan ini adalah juga berfaedah kepada mereka. Ini adalah oleh kerana dari masa ke semasa Malaysia menerima kedatangan lawatan para pembesar luar negeri bersama-sama isteri masing-masing. Dalam hubungan ini para isteri pegawai kanan Kerajaan yang berada di dalam negeri boleh memainkan peranan yang sewajarnya apabila menerima kunjungan mereka dan berinteraksi dengan tetamu-tetamu dari luar negeri itu.

5. Selain daripada matlamat untuk mewujudkan sikap yang positif di kalangan para isteri saya juga berpendapat bahawa kursus ini berkemungkinan untuk memberi kesedaran kepada para peserta tentang betapa pentingnya diwujudkan semangat perpaduan dan kerjasama, atau 'esprit de corp', di kalangan ahli-ahli dan isteri-isteri perwakilan kita di luar negeri.

Dengan wujudnya sikap kerjasama dan kefahaman yang erat di antara satu sama lain, saya kira banyak masalah akan dapat diatasi dengan senang dan kerja yang berat akan menjadi ringan. Kerjasama dan

perpaduan antara kita apabila berada di luar negeri kelak akan memberi imej yang baik terhadap negara kita. Puan-puan bolehlah dianggap sebagai contoh bagi orang-orang asing membuat tanggapan tentang keadaan negara kita yang sebenarnya.

6. Selain daripada apa yang telah saya perkatakan tadi, tidaklah dapat disangsikan lagi bahawa isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan Malaysia mempunyai peranan yang amat penting dalam pembangunan dan hubungan antarabangsa negara kita. Di peringkat keluarga, para isteri boleh menjadi pendorong kepada kejayaan suami. Dengan pentadbiran keluarga dan rumahtangga yang cekap dan efektif, maka suasana yang sihat dan bahagia akan dapat puan-puan kekalkan. Seterusnya suasana demikian dapat memberi ketenangan dan ilham serta meninggikan kecekapan para suami di dalam melaksanakan tugas-tugas hariannya. Tambahan pula, jika para isteri sedia memahami peranan dan tugas kerajaan secara umumnya, dan tugas-tugas dan tanggungjawab suami secara khususnya, para isteri dapat membantu secara tidak langsung untuk meringankan sedikit-sebanyak beban tugas yang dipikul oleh suami mereka.

7. Oleh itu adalah menjadi harapan saya bahawa melalui kursus ini para isteri akan dapat meninggikan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap isu-isu dan masalah-masalah negara kita, serta segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi isu-isu dan masalah-masalah tersebut. Saya percaya dengan pengetahuan dan kesedaran ini, ianya bukan sahaja dapat mewujudkan kesetiaan dan perasaan cintakan negara, malah boleh memberi keyakinan kepada para isteri dalam pergaulan dan interaksi mereka dengan isteri-isteri atau pegawai-pegawai diplomat negara asing.

8. Keberkesanan seseorang pegawai kanan atau pegawai diplomat di dalam melaksanakan tugasnya sahaja tidaklah mencukupi untuk menegakkan imej negara kita. Pembawaan dan tingkahlaku si isteri pada masa bergaul dan berhubung dengan pegawai-pegawai asing dan isteri-isteri mereka juga merupakan faktor yang penting yang boleh menentukan buruk-baiknya imej sesuatu negara. Andainya berlaku tingkahlaku isteri pegawai kanan itu kurang sempurna, maka sudah tentu ianya boleh menjejaskan nama baik negara kita.

Oleh yang demikian puan-puan perlulah selalu berwaspada dengan percakapan dan tingkahlaku puan-puan apabila berada di kalangan orang-orang asing supaya nama baik negara kita sentiasa terpelihara.

9. Saya sedar bahawa kursus Isteri-isteri ini adalah satu aktiviti latihan yang penting yang dijalankan oleh INTAN pada tiap-tiap tahun. Saya mendapat maklumbalas bahawa para peserta yang telah menghadiri kursus ini pada masa-masa yang lalu telah mendapat faedah dan manfaat daripadanya.

Saya percaya puan-puan yang akan mengikuti kursus kali ini akan juga mendapat faedah dan manfaatnya jika puan-puan mengambil peluang keemasan ini untuk berazam bagi mengumpul seberapa banyak pengetahuan dan pengalaman yang boleh daripadanya. Berjaya atau tidak sesuatu kursus untuk mencapai matlamat dan objektifnya bergantung sebahagian besarnya kepada peserta-peserta yang mengikuti kursus itu.

Jika puan-puan menaruh sepenuh perhatian kepada kursus ini, saya yakin puan-puan akan menerima banyak manfaat daripadanya dan objektif kursus akan tercapai.

10. Dari setahun ke setahun INTAN berusaha untuk memperbaiki program kursus ini berdasarkan maklumbalas-maklumbalas yang diterima daripada peserta-peserta kursus yang lepas dan juga nasihat-nasihat yang diberi oleh ahli-ahli Lembaga Pengurus kursus ini.

Oleh yang demikian dari setahun ke setahun didapati bahawa mutu kursus ini bertambah baik. Memandangkan kepada usaha dan perhatian yang berat yang diberikan oleh INTAN untuk merancang dan mengendalikan kursus ini, maka saya ingin meminta kerjasama daripada peserta-peserta kursus supaya jangan mensesiakan usaha INTAN ini dan berharap puan-puan semua akan mengikuti kursus ini dengan serius dan penuh ketekunan hingga ke akhirnya.

11. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada INTAN atas usahanya meneruskan dan menjadikan kursus ini sebagai projek latihan tetapnya. Saya percaya kursus pada kali ini akan dapat dijalankan dengan lebih lengkap, licin dan sesuai dengan kehendak-kehendak para isteri. Bagi puan-puan yang akan mengikuti kursus ini saya ucapkan selamat maju jaya dan semoga segala pengetahuan yang diperolehi akan dijadikan bahan untuk meninggikan maruah dan nama baik negara Malaysia yang kita cintai.

12. Dengan kata-kata itu, saya dengan segala sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1984 ini dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.